

2. PERCUNAAN SPM 1 2022 (Skema)

SOALAN 1

Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) yang ditubuhkan di Tanjung Malim, Perak pada 1922 telah berjaya melahirkan ramai nasionalis di negara kita.

(T4 Bab2 ms 36 – 41)

- (a) Bagaimanakah institusi tersebut berperanan dalam melahirkan semangat kesedaran bangsa?
[3 markah]

F1 Peranan guru

C1 O.T Dussek/ Abdul Hadi Hassan/ Abdul Hadi Abdul Manan/ Harun Amirurrahid

H1a Berjaya meniupkan kesedaran dalam kalangan pelajar

H1b Melahirkan golongan penulis dan nasionalis

F2 Wujud Pejabat Karang Mengarang

H2a Ketua Penterjemahnya Za'ba

H2b Berjaya menghasilkan buku berkualiti

H2c menjadi pemangkin pengasah bakat pelajar dalam usaha membangkitkan semangat kebangsaan

C2 antara tokoh nasionalis termasuklah Buyong Adil/ Abdul Hadi Hassan

F3 Kemasukan bahan bacaan dari Timur Tengah dan Indonesia menjadikan SITC sebuah taman ilmu

H3 yang mendedahkan pembaharuan dari negara luar

F4 Kurikulum menitikberatkan mata pelajaran sejarah

H4a pendedahan keagungan empayar Melayu di Alam Melayu membangkitkan kesedaran kepada penuntutnya

H4b mata pelajaran Anyaman dan Kesihatan serta sukan dianggap penting dalam kurikulum di SITC

F5 Wujud Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar/ Ikatan Semenanjung Borneo

H5a Kesatuan Melayu Muda merupakan persatuan radikal

- (b) Senarai berikut merupakan persatuan yang memperjuangkan nasionalisme orang Melayu.

- KESATUAN MELAYU SINGAPURA
- PERSAUDARAAN SAHABAT PENA
- KESATUAN MELAYU MUDA

Jelaskan perjuangan salah **satu** persatuan tersebut.

KESATUAN MELAYU SINGAPURA

F1 menggalakkan ahli bergerak aktif dalam pentadbiran

F2 memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik dan Pendidikan

F3 mementingkan pelajaran Teknik dan pengajian tinggi

F4 bekerjasama dengan British

H4 meminta supaya lebih banyak peluang diberikan kepada orang Melayu dalam pentadbiran

PERSAUDARAAN SAHABAT PENA

F1 ditubuhkan bagi menggalakkan ahlinya untuk Bersatu

F2 menggalakkan ahlinya bertukar-tukar pendapat

F3 mengadakan perhimpunan tahunan seluruh Tanah Melayu

F4 usaha menyatukan pergerakan orang Melayu melalui kongres atau persidangan

F5 berjaya menghimpunkan wakil persatuan Melayu dari Brunei/ Labuan/ Sarawak

F6 untuk mengutarakan isu kebangsaan

KESATUAN MELAYU MUDA

F1 ditubuhkan hasil daripada gagasan Ibrahim Haji Yaakob

F2 berjuang melalui akhbar Majlis

F3 berhasrat untuk menentang British

H3a dengan mewujudkan satu gagasan yang dinamakan Melayu Raya

H3b melalui gabungan Tanah Melayu dan Indonesia

F4 menyeru orang Melayu untuk “ bangun sebagai satu bangsa yang mempunyai tamadun dan kesopanan di tanah airnya”

F5 KMM dianggap radikal oleh British

H5a kerana berani menyuarakan penentangan terhadap kerajaan colonial

H5b membangkitkan perasaan anti- British melalui penulisan dalam akhbar dan majalah

(c) Petikan akhbar berikut berkaitan dengan perpaduan kaum di Malaysia.

“...sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik adalah menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian dengan menahan diri daripada melakukan perbuatan provokasi dan keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan. Semangat muhibah terhasil apabila rakyat yang berasal dari etnik dan agama yang berbeza saling menghormati antara satu sama lain, sentiasa berhati-hati dan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing demi keharmonian antara kaum”.

Diubahsuai daripada, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/605018/perpaduan-kaum-di-malaysia-perlu-terus-utuh> (9 September 2019)

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan.

[4 markah]

F1 rakyat Malaysia wajib mempertahankan keamanan dan keharmonian

F2 Rakyat wajib menahan diri daripada melakukan perbuatan provokasi dan keganasan

F3 Ini kerana perbuatan tersebut akan mengakibatkan konflik dan kekacauan

F4 Semangat muhibah terhasil apabila rakyat yang berasal dari etnik dan agama yang berbeza saling menghormati antara satu sama lain

F5 rakyat haruslah sentiasa berhati-hati dan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing

Inf: Rakyat yang mempunyai kesedaran sedemikian baru dapat membina masyarakat yang keharmonian antara kaum.

***Sekiranya pelajar salin sahaja, 1 markah max

SOALAN 2

(a) Nyatakan **DUA** cadangan Jawatankuasa kerja bagi penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [2 markah]

F1 Menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat

F2 Memulihkan kedudukan kedaulatan Raja-raja Melayu

F3 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan

F4 kepentingan sah kaum lain

F5 Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri bagi setiap negeri

F6 Mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat.

(b) Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [4 markah]

F1 Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union

H1a Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO membantah pelaksanaan Malayan Union (MU)

F2 MU memberi kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu

F3 Ahli Parlimen British, Gammans dan Rees Williams telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap MU

H3a Mereka melaporkan hasil tinjauan kepada Dewan Parlimen British

H3b Gammans menyatakan keadaan huru hara jika MU dilaksanakan

F4 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dijalankan melalui rundingan Raja-raja Melayu, UMNO dan British

F5 Malcolm MacDonald, Gabenor General, Sir Edward Gent (Gabenor MU) mengadakan pertemuan dengan Raja-raja

H5a Dalam pertemuan Raja-raja Melayu mencadangkan penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan

- F6 Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor
- F7 Raja berkuasa dalam perundangan
- F8 Perkataan Negeri-negeri Melayu perlu muncul dalam persekutuan yang baharu
- F9 Gammans dan Rees William menyampaikan surat bantahan
- F10 Sokongan pentadbir British
- H10 Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi
- F11 Terdapat pegawai tinggi British yang mendorong British 1 membentuk Persekutuan Tanah Melayu seperti
- C11 Sir Edward Gent/Malcolm MacDonald/ Sir Ralph Hone/ Gamman/, A.T. Newbould/ Roland Braddell/ W.Linehan dan Theodore Adams
- F12 Sir Ralph Hone mencadangkan agar British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan
- H12 Memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan
- F13 Sir Edward Gent bertemu wakil Umno, memberi peluang Dato' Onn Jaafar dan Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas
- F14 Pembentukan Persekutuan mewujudkan politik yang stabil
- F15 Mendorong pelabur luar untuk melabur di negara ini
- F16 British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik

(c) Mengapa orang Melayu menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? [4 markah]

- F1 Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan dalam pentadbiran
- F2 Mewujudkan Majlis Raja-raja yang dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu
- F3 Raja-raja Melayu terlibat dalam perundangan
- F4 Pesuruhjaya Tinggi memastikan raja perlu dirujuk dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan
- F5 Perkenan Raja-raja Melayu bagi meluluskan rang undang-undang
- F6 Sultan berkuasa di peringkat negeri
- F7 Hak istimewa orang Melayu diiktiraf
- F8 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal
- F9 Kepentingan sah kaum lain juga dijaga
- F10 Syarat kewarganegaraan diperketatkan

Soalan 3

(a) Nyatakan kedudukan Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

F1 Ketua utama negara

F2 Tidak boleh dikenakan tindakan mahkamah

H2 kecuali Mahkamah Khas

F3 Isteri Yang di-Pertuan Agong digelar Raja Permaisuri Agong

F4 Dipilih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh lima tahun

F5 Bila-bila masa boleh meletakkan jawatan

H5 dengan menandatangani surat yang ditujukan kepada Majlis Raja-Raja.

F6 Boleh dipecat daripada jawatannya

F7 Berhenti memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong apabila tidak lagi menjadi Raja

(b) Yang di- Pertuan Agong mempunyai bidang kuasa yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Jelaskan bidang **kuasa perundangan** baginda.

F1 Yang di-Pertuan Agong memperkenankan sesuatu Rang Undang-undang

F2 Melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara

F3 Kuasa dalam Persidangan Parlimen

F4 Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang.

F5 Baginda juga berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen.

F6 Kuasa dalam hal Agama

F7 Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Islam dinegeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.

F8 Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan atau raja yang memerintah di negeri masing-masing

F9 Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.

F10 Baginda juga bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia

F11 Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat

H11 Pengisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara.

(c) Sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan telah diamalkan sejak negara kita mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini. Mengapakah sistem tersebut perlu dikekalkan?

[4 markah]

F1 Melindungi hak dan keistimewaan orang Melayu

F2 juga bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia

H2 dengan ini, dapat mengekalkan keseimbangan kepentingan antara kaum

F3 Memelihara kesucian agama Islam

H3 merupakan Ketua Agama Islam dinegeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.

F4 Menjamin kebebasan beragama

F5 Lambang keutuhan negara

F6 Mengekalkan keharmonian negara

F7 Raja adalah tonggak keutuhan negara

F8 Raja menjadi simbol perpaduan rakyat pelbagai kaum negara ini

F9 Raja menjadi penaung kepada rakyat, melangkau semua agama, bangsa, budaya dan fahaman politik

F10 Raja melambangkan kekukuhan negara

F11 Warisan kegemilangan kerajaan Melayu

F12 Institusi ini menjadi lambang kedaulatan negara

F13 Mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan

F14 Mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara

F15 Kuasa pengimbang pada raja mampu meredakan konflik seperti pertikaian parti politik dan perselisihan antara kaum

SOALAN 4

(a) Mengapakah konflik perkauman berlaku pada 13 Mei 1969? [2 markah]

F1 Ketidakeimbangan dalam ekonomi dan sosial

F2 Keadaan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969

F3 Parti politik mengesksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum

F4 PKM mengambil kesempatan mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum

F5 Parti yang bertanding berkempen menggunakan sentimen perkauman dan agama

F6 Perarakan kemenangan pilihan raya yang tidak terkawal

F7 Menimbulkan kekacauan / perbuatan provokasi

(b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah pemerintah Malaysia mengatasi konflik perkauman di negara kita? [4 markah]

F1 Darurat

H1a Pengisytiharan perintah darurat dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong

H1b Perlembagaan digantung / Parlimen ditangguh

H1c Mewujudkan pusat perlindungan

H1d Menguatkuasakan perintah berkurung

H1e Menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan

H1f Semua berita ditapis bagi memastikan kesahihannya

H1g Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan

F2 Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

H2a Bertanggungjawab mengawal ketenteraman awam

H2b Menyelesaikan perpaduan kaum

H2c menyelesaikan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum

H2d Mengembalikan keamanan / undang-undang

H2e Menentukan pentadbiran yang licin

H2f Menggantung sementara penerbitan semua akhbar

H2g Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948

H2h Jabatan Penerangan menapis berita palsu / menerangkan usaha kerajaan

F3 Peranan Raja

H3a Sultan Perak menasihati rakyat menjaga keamanan

H3b Penubuhan Jawatankuasa Muhibah di Perak

H3c Merayu penduduk agar bertenang / mengekalkan keamanan

H3d Raja turut meminta rakyat mematuhi undang-undang

(c) Konflik perkauman merencatkan pembangunan sesebuah negara.
Berikan ulasan anda. [4 markah]

Aras 2 [3- 4 markah]

Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas

Bukti / contoh yang sesuai

Membuat inferens

Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik

Menunjukkan kematangan

Contoh:

Setiap kaum mementingkan kaum masing-masing

Semangat perpaduan tidak dapat diwujudkan

Kerjasama / toleransi antara kaum sukar dibentuk

Menjejaskan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan negara

Seperti dasar ekonomi / dasar kebudayaan

Pelabur asing tidak berminat

Pendapatan negara / ekonomi merosot

Imej negara tercalar

Aras 1 [1- 2 markah]

Pengetahuan dan pemahaman terhad

Jawapan secara umum

Contoh:

Setiap kaum mementingkan kaum masing-masing

Semangat perpaduan tidak dapat diwujudkan

SOALAN 5

(a) Terangkan ciri-ciri Sistem Ahli. [4 markah]

F1 Ahli bertaraf "Menteri"

F2 Bertanggungjawab menjaga portfolio

H2 yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan

F3 Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British

F4 Dengan persetujuan Majlis Raja-raja

F5 Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang

H5 berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP

F6 Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi

F7 Satu sistem kabinet bayangan

H7 terdiri daripada beberapa pegawai pentadbir dan tokoh masyarakat.

(b) Pelaksanaan Sistem Ahli memberi kebaikan kepada penduduk tempatan. Berikan penjelasan anda. [8 markah]

F1 Menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan

H1 ke arah berkerajaan sendiri

F2 Memberi pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan

H2 untuk belajar mentadbir

F3 Menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan

F4 Sesuai dengan dasar dekolonisasi British

H4 memberi tempoh peralihan pentadbiran menjelang kemerdekaan negara.

F5 Merupakan proses memupuk perpaduan kaum

H5 kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum

F6 Menentukan kemerdekaan yang diperolehi mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

F7 Menambah peluang pentadbiran kepada wakil tempatan

H7 dalam usaha menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan

(c) Sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Sistem Ahli dalam membentuk negara dan bangsa Malaysia sehingga kini. [8 markah]

F1 Tapak asas untuk melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran

F2 Memberi pendedahan kepada pemimpin untuk menerajui pentadbiran negara

F3 Ke arah berkerajaan sendiri

F4 Mengikut acuan sendiri

C4 Contohnya, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen/ raja Berperlembagaan

F5 Rakyat berhak memilih pemimpin melalui pilihan raya

F6 Meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan pentadbiran negara

F7 Memulakan proses perpaduan rakyat

H7 kerana ahlinya terdiri daripada berbilang kaum

C7a Melayu – Dato' Onn Jaafar

C7b Cina – Lee Tiang Keng

C7c India – E.E.C. Thuraisingham

F8 Sikap toleransi/ saling menghormati/ bersifat terbuka menjadi amalan/ berterusan sehingga kini

F9 Contoh, sistem kabinet terdiri daripada pelbagai kaum.

Inf : Mewujudkan kestabilan politik/ kemakmuran negara/ kesejahteraan rakyat

SOALAN 6

6. Kerajaan British mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid dan memulakan tugasnya pada akhir bulan Jun 1956. (T4 Bab 9 ms 220- 225)

(a) Huraikan tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. [4 markah]

F1 Membincangkan/Menyusun/merangka Perlembagaan PTM merdeka.

F2 Memeriksa aturan perlembagaan di seluruh Tanah Melayu.

F3 Mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-Raja Melayu.

F4 Menberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal/ bebas/ berkerajaan sendiri.

F5 Pembentukan sistem Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan.

F6 Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat dengan kerajaan negeri mempunyai autonomi tertentu.

F7 Mencadangkan jawatan ketua negara iaitu Yang di-Pertuan Besar dikenali Yang di-Pertuan Agong.

F8 Melindungi kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan.

F9 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

F10 Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi PTM.

(b) Huraikan Langkah-langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

[8 markah]

F1 Menerima memorandum daripada pelbagai pihak

H1 131 memorandum bertulis diterima

F2 Memorandum pihak Raja-raja Melayu

H2a Mencadangkan Persekutuan yang merdeka

H2b Mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong(YdPA)

H2c Yang di-Pertuan Agong(YdPA) akan dipilih oleh Majlis Raja-raja

H2d Raja-raja Melayu melindungi kedudukan keistimewaan orang Melayu

F3 Memorandum daripada parti politik dan pihak awam

H3a UMNO menolak kewarganegaraan jus soli

H3b Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan syarat kewarganegaraan

H3c Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menuntut kewarganegaraan berdasarkan kewarganegaraan

- H3d Masyarakat India memohon kewarganegaraan mereka diteliti
- H3e Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan
- F4 Memorandum daripada MCA
- H4a Menuntut semua sekolah bahasa Inggeris atau Vernakular diteruskan
- H4b Cadangan supaya semua sekolah kebangsaan mempelajari Bahasa Inggeris, Melayu Cina dan Tamil
- F5 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengeluarkan draf perlembagaan
- H5a Menerima pelbagai reaksi terhadap draf perlembagaan PTM
- H5b UMNO tidak bersetuju dengan konsep jus soli
- H5c Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar
- H5d Parti PAS mengkritik soal kewarganegaraan yang tidak menjaga kepentingan orang Melayu dan kedudukan Agama Islam
- H5e Pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan
- H5f MIC mahu syarat kewarganegaraan dan penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian
- F6 Rombongan Ke London
- H6a Diketuai oleh Tunku Abdul Rahman
- H6b Untuk mengadakan perbincangan dengan kerajaan British
- H6c Isu kewarganegaraan dan beberapa isu lain dimuktamadkan
- H6d Beberapa perubahan dan pindaan dibuat pada draf perlembagaan
- F7 Draf dibentang dan dibahaskan
- H7 Dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada 10 dan 11 Julai 1957
- F8 Kelulusan Parlimen British di Landon
- F9 Diikuti Kelulusan Majlis Perundangan Persekutuan pada 27 Ogos 1957
- F10 Berkuatkuasa secara rasmi pada 31 Ogos 1957

Baca maklumat dalam petikan berikut.

MUTAKHIR ini, isu berkaitan kontrak sosial terus diungkit dan menjadi polemik dalam kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum. Siri polemik itu jika tidak ditangani mampu mengundang ketegangan kaum dan menggugat keselamatan negara.

Sumber daripada Majlis Profesor Negara menyatakan konsep kontrak sosial itu merujuk kepada persetujuan bersama yang tercapai dalam kalangan pemimpin Melayu, Cina dan India pada 1956. Persetujuan dan kesepakatan itu berlaku ketika Suruhanjaya Reid sedang mengumpulkan pandangan pelbagai pihak yang tinggal di negeri-negeri Tanah Melayu untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan bagi mencapai kemerdekaan pada 1957.

Melalui kontrak sosial itu, semua kaum diberikan jaminan hak timbal balas kepada kerelaan mereka melepaskan sebahagian daripada hak yang lain. Orang Melayu mendapat hak keistimewaan, jaminan kedudukan agama Islam, bahasa Melayu, tanah rizab Melayu dan hak-hak yang lain. Kaum lain mendapat jaminan hak mengamalkan adat resam, bahasa dan agama masing-masing. Di samping hak mereka yang terpenting iaitu hak kewarganegaraan untuk berkongsi hidup sebagai rakyat di bumi Malaya ini.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/52989/KOLUMNIS/Faham-dan-hayati-kontrak-sosial>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya kontrak social tersebut dipersoalkan.

Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut:

F1 konsep kontrak sosial itu merujuk kepada persetujuan bersama yang tercapai dalam kalangan pemimpin Melayu, Cina dan India pada 1956

F2 Persetujuan dan kesepakatan itu berlaku ketika Suruhanjaya Reid sedang mengumpulkan pandangan pelbagai pihak yang tinggal di negeri-negeri Tanah Melayu

F3 untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan bagi mencapai kemerdekaan pada 1957.

F4 semua kaum diberikan jaminan hak timbal balas kepada kerelaan mereka melepaskan sebahagian daripada hak yang lain

F5 Orang Melayu mendapat hak keistimewaan, jaminan kedudukan agama Islam, bahasa Melayu, tanah rizab Melayu dan hak-hak yang lain

F6 Kaum lain mendapat jaminan hak mengamalkan adat resam, bahasa dan agama masing-masing.

F7 Di samping hak mereka yang terpenting iaitu hak kewarganegaraan untuk berkongsi hidup sebagai rakyat di bumi Malaya ini.

*****Sekiranya pelajar hanya tulis maklumat yang terkandung SAHAJA, MAKSIMA 4 MARKAH. Tapi kalau pelajar tulis SATU KESAN DAN 7 MAKLUMAT DI ATAS, pelajar boleh dapat markah penuh, 8 markah.**

kesan terhadap negara sekiranya kontrak social tersebut dipersoalkan.

F1 mampu mengundang ketegangan kaum

F2 menggugat keselamatan negara

F3 pergaduhan antara kaum akan berlaku

F4 negara akan menjadi huru hara

F5 ekonomi negara tergugat

F6 pelabur asing tarik modal ke negara lain

F7 kuasa asing ambil kesempatan untuk campur tangan

Inf: konsep kontrak sosial merupakan satu persetujuan untuk menjamin keseimbangan hak setiap kaum bagi membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu.

SOALAN 7

(a) Kesultanan atau pemerintahan beraja merupakan salah satu ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan. Jelaskan. [6 markah]

F1 Sultan merupakan pemerintah berdaulat dan memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing.

F2 Pemerintahan beraja disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen

F3 Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi negara

F4 Mempunyai kuasa mengampun / menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah

F5 Mempunyai kuasa membuat pelantikan bagi jawatan utama negara

F6 Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri

F7 Terletak kuasa eksekutif melalui Majlis Mesyuarat Negeri

F8 Mempunyai kuasa mengampun / menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah

F9 Perlantikan jawatan utama negeri

F10 Dikenali sebagai tonggak kehormatan dan keadilan

F11 Boleh mengurniakan anugerah / penghormatan / bintang kehormatan kepada individu yang terpilih.

(b) Huraikan ciri moden yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. [6 markah]

F1 Pembentukan kerajaan Persekutuan

F2 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai kuasa tertentu

F3 Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi

F4 Sistem Demokrasi Berparlimen

F5 Pilihan raya umum 1955 sebagai asas demokrasi

F6 Bertujuan rakyat memilih pemimpin / membentuk kerajaan

F7 Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan untuk menjamin keadilan

F8 Kewarganegaraan Persekutuan

F9 Kewarganegaraan yang sama kepada semua rakyat

- (c) Perlembagaan merupakan elemen penting dan perlu dipertahankan. Apakah yang akan berlaku sekiranya kita sebagai rakyat tidak mempertahankannya.
Beri penjelasan anda. [8 markah]

Aras 4 [7 – 8 markah]

Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas

Bukti / contoh yang sesuai

Membuat inferens Jawapan sangat mendalam / terperinci

Komunikasi / pengolahan sangat menarik

Menunjukkan kematangan

Contoh:

Suasana menjadi kucar-kacir.

Banyak perkara akan dipersendakan.

Negara akan terdedah kepada ancaman bentuk baharu.

Rusuhan kaum akan berlaku.

Keselamatan rakyat dan negara akan terganggu.

Rakyat akan berasa takut / terancam.

Ketahanan negara tidak dapat dibina.

Keharmonian hidup akan terganggu.

Perpaduan dalam kalangan rakyat runtuh.

Aras 3 [5 -6 markah]

Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas

Bukti / contoh yang sesuai

Membuat inferens

Jawapan mendalam

Komunikasi / pengolahan menarik

Contoh:

Suasana menjadi kucar-kacir.

Banyak perkara akan dipersendakan.

Negara akan terdedah kepada ancaman bentuk baharu.

Rusuhan kaum akan berlaku.

Keselamatan rakyat dan negara akan terganggu.

Rakyat akan berasa takut / terancam.

Aras 2 [3 – 4 markah]

Pengetahuan dan pemahaman yang jelas

Jawapan kurang mendalam

Menyatakan hujah secara ringkas

Contoh:

Suasana menjadi kucar-kacir.

Banyak perkara akan dipersendakan.

Negara akan terdedah kepada ancaman bentuk baharu.

Rusuhan kaum akan berlaku.

Aras 1 [1 – 2 markah]

Pengetahuan dan pemahaman terhad

Jawapan secara umum

Contoh: Suasana menjadi kucar-kacir.

Banyak perkara akan dipersendakan.

8 (a) Nyatakan usaha kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

F1 Memperkenalkan Akta Bahasa Kebangsaan

F2 Menjadi bahasa rasmi

F3 Melalui pengubalan undang-undang

F4 Akta Bahasa Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1967/ dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971

F5 Dikenali sebagai Akta 32

F6 Menjadi bahasa rasmi pentadbiran

F7 Menjadi alat komunikasi rasmi dalam urusan kementerian / jabatan kerajaan

F8 Digunakan di mahkamah pada tahun 1990

F9 Diperkasakan dalam sistem Pendidikan

F10 Menjadi bahasa pengantar di sekolah menengah kebangsaan

F11 Sekolah Alam Shah / Sekolah Seri Puteri / Kolej Sultan Abdul Halim

F12 Memupuk semangat kekitaan / bersatu dalam kalangan murid

F13 Menambah guru terlatih di sekolah menengah kebangsaan / guru khas di sekolah menengah jenis kebangsaan

F14 Diperkasakan sebagai bahasa ilmu / bahasa perpaduan

F15 Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Pusat Keilmuan Bahasa Melayu

F16 Memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan / bidang kursus dalam bahasa Melayu

F17 Menjadikan UKM sebagai pusat penyelidikan / rujukan bahasa kesusasteraan / kebudayaan tamadun Melayu.

F18 Penubuhan Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKMM)

F19 Ditukar nama kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) pada tahun 1992

F20 Menjadi tumpuan penyelidikan / sasterawan/ karyawan / budayawan pelbagai dari dalam dan luar negara

F21 Pengiktirafan tokoh UKM sebagai Sasterawan Negara / Muhammad Haji Salleh / Siti Zainon Ismail

F22 Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

F23 Hasil resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga

F24 Pembukaan pejabat di wilayah / cawangan di Pulau Pinang /Johor /Kelantan / Sarawak / Sabah

F25 Melalui penerbitan majalah/ risalah/ menganjur seminar/ bengkel/ aktiviti bersempena dengan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan

F26 Memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum

F27 Pelancaran slogan “Bahasa Jiwa Bangsa” pada tahun 1960

F28 Papan tanda rasmi dalam Bahasa Melayu

F29 Nama-nama jalan ditukarkan kepada nama Melayu /tulisan jawi

F30 Perbahasan di parlimen mesti menggunakan Bahasa Melayu

F31 Bahasa Melayu menjadi subjek wajib lulus dalam SPM

(b) Mengapakah generasi kini kurang menggunakan bahasa Melayu dengan betul?

Fakta: Pengaruh daripada media sosial

Huraian: Generasi hari ini lebih cenderung untuk menggunakan bahasa rojak/ bahasa pasar dalam komunikasi seharian

Contoh: Seperti mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris

Inferens: Kesannya semangat jati diri dalam golongan muda semakin luntur

Cadangan jawapan

F1 Terpengaruh dengan media sosial

F2 Pengguna di media sosial lebih cenderung untuk menggunakan bahasa rojak / bahasa pasar dalam komunikasi seharian

F3 Gemar mencampur adukan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris

F4 Memandang rendah bahasa Melayu / beranggapan bahasa Inggeris lebih maju

F5 Malu menggunakan bahasa Melayu

F6 Tidak menguasai perbendaharaan kata dengan tepat

F7 Lebih mengagungkan bahasa asing yang bersifat antarabangsa

F8 Kurang menghargai warisan budaya

F9 Situasi masyarakat pada hari ini lebih pantas / laju

(Mana -mana jawapan munasabah)

(c) Bagaimanakah pantun berikut dapat menggambarkan pengamalan prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan.

Fakta: Bahasa yang dipertuturkan menjadi lambang kesopanan dan kesusilaan masyarakat

Huraian: Bahasa yang sopan akan mewujudkan hubungan yang baik dalam masyarakat.

Contoh: Menggunakan perkataan yang sesuai/lenggok/laras bahasa yang lembut/beradab

Inferens: Kesannya mewujudkan masyarakat yang saling memahami/ bertoleransi/tiada prasangka/harmoni/bersatu padu/ sejahtera

Cadangan jawapan

F1 Keindahan bahasa

F2 Bahasa jiwa bangsa

F3 Warisan yang perlu dikekalkan

F4 Sebagai alat perpaduan

F5 Memelihara silaturahim/sensitiviti

F6 Mengekalkan identiti negara

F7 Mewujudkan perasaan berkasih sayang / persefahaman

F8 Mencerminkan jati diri /akal budi / peribadi

(Mana – mana jawapan munasabah)

9 (a) Jelaskan isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia? [6 m]

F1 Penyalahgunaan dadah

H1a Mengisytiharkan perang terhadap penyalahgunaan dadah

H1b Menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah dadah

H1c Menyuarakan dalam forum antarabangsa / PBB

C1c International Drug Enforcement Conference – IDEC (Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa)

H1d Mendapat kerjasama daripada International Criminal Police Organization INTERPOL (Polis Antarabangsa)

C1d Tun Dr Mahathir Mohamad, dipilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988

F2 Pertindihan sempadan

H2a Isu tuntutan sempadan / hak milik bertindih dengan negara lain

C2a Tuntutan terhadap Pulau Batu Putih antara Malaysia dengan Singapura / Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dengan Indonesia

H2b Diselesaikan melalui keputusan Mahkamah Antarabangsa

H2c Memutuskan Pulau Sipadan dan Ligitan milik Malaysia / Pulau Batu Putih milik Singapura

H2d Tuntutan Kepulauan Spratly melibatkan China / Vietnam / Brunei / Filipina

H2e Tuntutan bermula apabila Malaysia memasukkan Kepulauan Spratly ke dalam sebahagian wilayah Malaysia

H2f Termaktub dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984

H2g Tuntutan ini masih dalam pertikaian / belum selesai

H2h Kepulauan ini penting daripada sudut geostrategik /perdagangan

H2i Membangkitkan isu tuntutan tersebut dalam forum ASEAN-China pada tahun 1995

F3 Kempen antiminyak sawit

H3a Minyak sawit menjadi pesaing kepada negara pengeluar minyak kacang soya

H3b Negara maju melancarkan gerakan antiminyak sawit

H3c American Soybean Association (ASA)

H3d Minyak sawit menjejaskan penjualan minyak kacang soya

H3e NGO Pencinta Alam di Eropah

H3f Penanaman kelapa sawit mencemarkan alam sekitar / kemusnahan hutan / habitat haiwan liar

H3g Isu ini dihadapi oleh negara-negara pengeluar minyak sawit

C3g Malaysia / Indonesia

H3h Malaysia mengadakan kempen bagi menangani isu ini

H3i Melalui pertubuhan Rountable on Sustainable Palm Oil (RSPO)

H3j Mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)

H3k Bertujuan menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan

H3I Pelaksanaan amalan baik /Gap-Good Agricultural Practices (Amalan Pertanian Baik)

H3m Tindakan berhemah mengelakkan konflik dengan negara lain.

F4 Pemerdagangan Orang

H4a Merupakan jenayah terancang

H4b Menjadi ancaman terhadap hak asasi manusia / keselamatan negara.

H4c Wujud sindiket pemerdagangan orang

H4d Kesan perkembangan ekonomi / kemakmuran Malaysia menarik kehadiran warga asing.

H4e Kedudukan yang strategik menjadikan Malaysia sebagai lokasi transit pemerdagangan

H4f Penguatkuasaan undang-undang

H4g Menerusi Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak 1989

H4h Protokol PBB untuk mencegah / menyekat / menghukum pesalah pemerdagangan orang

H4i Memberikan bantuan kepada mangsa

H4j Untuk mencegah, menyekat serta menghukum pesalah pemerdagangan orang

H4k Menubuhkan / menguatkuasakan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (MAPO) / Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM)

H4l Mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015)

H4m Menjalankan rundingan dengan negara luar / penguatkuasaan /pendakwaan / perlindungan

F5 Penyakit Berjangkit

H5a 100 000 kadar jangkitan kes Acquire Immune Deficiency Syndrome (AIDS) telah dilaporkan pada tahun 2014

H5b Menyebabkan 16 000 kematian di Malaysia

H5c AIDS disebabkan oleh gaya hidup yang tidak sihat / penyalahgunaan dadah

H5d Kementerian Kesihatan bertindak proaktif untuk mengurangkan penularan penyakit berjangkit

H5e Membuat pemeriksaan kesihatan berterusan / memberikan rawatan kepada pesakit

H5f World Health Organization (WHO) memperakukan pencapaian Malaysia berjaya mengurangkan masalah penularan wabak daripada ibu kepada anak

H5g Mendukung hasrat PBB untuk menjadikan dunia bebas AIDS menjelang tahun 2030 melalui National Strategic Plan for Ending AIDS (NSPEA) / Menyambut Hari AIDS Sedunia

[Mana-mana 6 x 1 m]

b) Huraikan usaha yang dilakukan oleh rakyat Malaysia dalam menjayakan misi kemanusiaan berikut :
[6 m]

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Palestin• Tsunami di Aceh dan Sri Lanka |
|--|

Palestin

F1 Penglibatan rakyat dalam NGO membantu warga Palestin

H1 Membolehkan satu koordinasi bantuan dapat dilaksanakan

F2 Aman Palestin

H2a Giat membantu secara kolektif / sistematik / berterusan / berkesan

H2b Menyalurkan bantuan kebajikan / sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin

F3 Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)

H3a Merupakan gabungan beberapa buah NGO

H3b Melaksanakan kerja-kerja kesukarelawanan

H3c Mengadakan Hari Solidariti Rakyat Palestin

F4 Cinta Gaza Malaysia (CGM)

H4a Diasaskan oleh Muhammad Nadir al-Nuri Kamarulzaman

H4b Menjalankan aktiviti kutipan / sumbangan kepada penduduk Gaza terutama kanak-kanak / ibu tunggal / warga emas

H4c Melancarkan projek Ramadan 2020 dengan tema "Ramadan Bulan Berkongsi Kebahagiaan"

C4c merangkumi bantuan perubatan / kebajikan belia / teknologi hijau / infrastruktur / pendidikan / pengajian al-Quran serta seni / budaya

F5 Muslim Care Malaysia bergiat secara aktif menjalankan misi kemanusiaan

F6 Peranan individu /rakyat Malaysia

H6a Menyatakan sokongan padu kepada rakyat Palestin

H6b Melakukan demonstrasi sebagai tanda sokongan kepada Palestin

H6c Menubuhkan Tabung Palestin untuk mengutip sumbangan kewangan

H6d Menghantar bantuan makanan / perubatan menerusi program Freedom Flotilla

C6d Dr. Fauziah Mohd. Hasan / Dr. Afandi Salleh H6e Misi Kemanusiaan Ebit Lew / Kasih Neelofar / Caprice / Mizz Nina / mana-mana pertubuhan yang turut memberi sumbangan

Tsunami di Aceh dan Sri Lanka

F7 Malaysia Medical Relief Society (MERCY Malaysia)

H7a Ditubuhkan oleh Tan Sri Dr Jemilah bt Mahmood

H7b Memberi bantuan perubatan

H7c Membina semula pusat kesihatan komuniti di Aceh

H7d Membangunkan infrastruktur di Sri Lanka

C7d Sekolah/ jambatan

F8 Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

H8a Memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa tsunami di Aceh

H8b Mendirikan sekolah

H8c Membina rumah perlindungan kepada lebih kurang 120 orang anak yatim di Banda Aceh

F9 Yayasan Restu

H9a Memberikan bantuan pendidikan percuma kepada warga Aceh

H9b Membangunkan rumah anak yatim Babun Najah di Ulee Kareung, Aceh

(c) Teliti poster berikut.



Sumber: <https://anyflip.com/lqmay/jdcu>

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

- F1 Pemerdagangan manusia merupakan satu bentuk perhambaan moden
- F2 Pemerdagangan manusia merupakan satu kesalahan yang serius
- F3 Pemerdagangan manusia juga adalah satu pencabulan hak asasi manusia
- F4 Tujuan asal pemerdagangan manusia adalah untuk mengeksploitasi hak asasi manusia
- H4 bagi kepentingan sendiri
- F5 termasuklah eksploitasi seksual
- F6 buruh paksaan

F7 Dari bulan Januari hingga Jun 2019, seramai 543 orang yang dikesan menjadi mangsa pemerdagangan manusia

F8 mereka telah diselamatkan dan ditempatkan di rumah perlindungan

F9 Sindiket yang ditangkap boleh dikenakan hukuman penjara

Inf: Poster ini memberi kesedaran kepada masyarakat agar berwaspada terhadap kegiatan pemerdagangan manusia. Masyarakat haruslah bersama-sama membanteras kegiatan haram ini selari dengan moto “ keselamatan negara, tanggungjawab bersama”